

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

SOALAN NO. 158

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi kemelut bantuan sara hidup peneroka FELDA pada hari ini bagi menjamin kebajikan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih “Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.
2. Bagi tahun 2019, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM480 juta untuk tujuan pembiayaan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil. Bayaran tunggakan Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil bagi bulan Februari, Mac, April dan Mei 2019 telah dilaksanakan mulai 31 Mei 2019 melibatkan 23,616 peneroka berjumlah RM35,951,205.06.
3. Dalam usaha menjamin tiada lagi kelewatan dalam pembiayaan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil kepada para peneroka FELDA pada masa akan datang. FELDA akan menggunakan peruntukan RM480 juta yang akan disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada FELDA bagi tujuan itu sahaja. Sekian, terima kasih.